

Seludup dadah dalam tuala wanita

Sinar 21/8/12 MS14

KUALA LUMPUR - Cubaan seorang wanita warga Guinea menyeludup dadah jenis syabu yang disorok dalam tuala wanita gagal, selepas polis menahannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), tiga hari lalu.

Wanita berusia 30 tahun itu cuba mengaburi polis dengan membungkus 500 gram syabu dalam tuala wanita dan disembunyikan pada lapisan seluar dalam yang dipakainya.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim berkata, pemeriksaan polis menemui satu kilogram dadah di ruangan khas beg pakaian suspek.

Menurutnya, suspek yang baru tiba di negara ini dengan penerbangan dari Cairo ditahan kira-kira jam 8 malam.

"Ini adalah modus operandi yang baru kita kenal pasti. Susuk tubuh sus-

pek agak gempal dan mencurigakan menyebabkan polis menahannya untuk siasatan.

"Nilai rampasan dianggar RM270,000 dan suspek ditahan reman hingga 6 Ogos ini," katanya pada sidang akhbar di Bukit Aman, semalam.

Sementara itu, seorang warga Iran yang cuba menyeludup dadah jenis syabu di KLIA ditahan kira-kira jam 4 petang, selepas polis menemui 1.15 kilogram dadah di dalam beg dibawanya.

Noor Rashid berkata, lelaki berusia 41 tahun itu tiba dengan penerbangan dari Cairo pada 26 Julai lalu dan rekod mendapati suspek sudah dua kali memasuki negara ini.

"Suspek cuba sembunyikan dadah dalam ruangan khas begnya dan nilai rampasan dianggarkan kira-kira RM200,000," katanya.



Pegawai penyiasat, Inspektor Eddy Amin menunjukkan dadah yang dibungkus dalam tuala wanita cuba diseludup ke negara ini.